

# Pemilik alami masalah tanah dalam geran lebih luas berbanding pelan JUPEM

Saudara Pengarang,

PADA bulan September 2005, saya telah menulis surat kepada Pejabat Tanah Daerah Setiu mengenai masalah keluasan tanah saya yang tercatat di atas geran yang berbeza dengan keluasannya yang tertera pada pelan yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Pada pertengahan tahun 2004 saya telah membeli dua lot tanah pertanian yang terbiar di Kampung Pelong, Mukim Hulu Nerus, Setiu daripada penduduk tempatan yang tidak lagi berkemam-

puan untuk mengusahakan tanah tersebut. Lot pertama seluas 6.144 ekar mengikut geran tetapi hanya seluas 4.47795 ekar mengikut pelan JUPEM dan lot kedua seluas 6.656 ekar mengikut geran tetapi hanya seluas 3.73362 ekar (pelan JUPEM).

Persoalannya mengapakah semasa permohonan pindah milik dibuat di Pejabat Tanah Daerah Setiu, pegawai yang meluluskan pindah milik tidak merujuk terlebih dahulu dengan pelan yang dikeluarkan oleh JUPEM sejak tahun 1977. Saya difahamkan masih ramai lagi pemilik tanah di

kawasan tersebut menghadapi masalah yang sama.

Saya telah beberapa kali menghubungi pihak Pejabat Tanah tersebut dan hanya diberitahu ia dalam tindakan tetapi tiada sebarang jawapan bertulis diberikan.

Persoalannya mengapakah kami diminta membayar cukai tanah setiap tahun mengikut keluasan yang tercatat di atas geran sedangkan keluasan sebenarnya mungkin berbeza dan kami pekebum pula terpaksa menanggung kerugian kerana tidak dapat mengusahakan tanah tersebut.

Mengapakah masalah yang te-

lah berlaku selama 28 tahun itu masih tidak dapat diselesaikan dalam era serba canggih ini. Mungkinkah masalah itu akan turut diwarisi oleh anak cucu kami nanti.

Saya khuatir jika tanah tersebut ditanam dengan tanaman kekal seperti getah dan kelapa sawit mengikut keluasan dalam geran akan menimbulkan perbalahan antara pemilik tanah kerana kemungkinan ia bertindan dan termasuk dalam tanah milik orang lain mengikut pelan JUPEM. — AB. HADI ABDULLAH, Kuala Terengganu, Terengganu.

## PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

Nama Akhbar ..... **UTUSAN MALAYSIA**  
Tarikh ..... **23 DISEMBER 2005**  
Muka Surat ..... **12**  
Perkara .....